

Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI® 2021 – Soalan Lazim

1. Apa yang ingin dicapai dengan mengadakan ‘Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI®’ yang dianjurkan oleh MAGGI® CukupRasa™?

Objektif program ini adalah untuk memberi inspirasi dan peluang kepada wanita dari semua lapisan masyarakat untuk membina keyakinan bagi mencapai impian dan cita-cita. Melalui program ini MAGGI® CukupRasa™ mendorong wanita untuk mengambil langkah pertama untuk mencuba sesuatu yang baru, samada di dapur atau dalam kehidupan.

2. Boleh berikan penjelasan lebih lanjut mengenai ‘Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI®’ yang dianjurkan oleh MAGGI® CukupRasa™?

Di MAGGI®, kami percaya bahawa setiap kali anda berada di dapur, anda berpeluang untuk memulakan perubahan yang positif, baik untuk diri sendiri, keluarga, rakan dan juga masyarakat. Oleh itu, ‘Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI®’ diwujudkan untuk memberi inspirasi dan memperkasakan wanita untuk bina kemahiran. Program ini juga bagi membimbing dan membantu wanita untuk memulakan perniagaan makanan, sesuai dengan janji jenama kami tentang Anda dan MAGGI® Sajikan Kelainan.

Untuk mencapai objektif kami, ‘Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI®’ terdiri daripada tiga peringkat

1. Siri bengkel digital – yang dinamakan 'Bengkel Online Wanita Cukup Berani MAGGI®'
2. Masterclass mengenai 'Cara Menjayakan Perniagaan Makanan' oleh usahawan terkenal
3. Program bimbingan menerusi 'Resipi Berani Bersama MAGGI®' (program reality bersiri oleh MAGGI®) bersama tiga mentor MAGGI® - iaitu Datin Paduka Eina Azman, Sheila Rusly dan Anne Idris

3. Adakah ‘Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI®’ ini hanya ditujukan kepada wanita dan mengapa hanya wanita?

Ramai wanita mempunyai dorongan untuk menyediakan masa depan yang lebih baik untuk diri dan keluarga, untuk mencapai kebebasan kewangan, memperbaiki diri, dan juga untuk membangunkan dan menyumbang kembali kepada rumah tangga.

Penemuan penyelidikan terbaru dari Ipsos yang dikeluarkan bersempena Hari Wanita Sedunia 2020 menunjukkan bahawa membina keyakinan adalah penting bagi membantu wanita untuk berjaya.

Dengan semua peranan yang bercita-cita untuk dipegang oleh wanita, kami percaya kami harus memberikan sokongan, peningkatan keyakinan dan motivasi untuk memperkasakan wanita untuk mencapai aspirasi mereka. Walau bagaimanapun, semasa kami mendorong wanita, kami sangat mengalu-alukan sokongan lelaki melalui perjalanan pemberdayaan ini!

4. Mengapa MAGGI® memilih untuk bekerjasama dengan Google bagi ‘Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI®’, khususnya berkaitan dengan ‘Bengkel Online Wanita Cukup Berani MAGGI®’?

Program ‘Women Will, a Grow with Google Programme’ dan MAGGI®berkongsi cita-cita untuk memberi inspirasi dan memperkasakan kepada wanita untuk melakukan perubahan dalam kehidupan mereka. Kami percaya bahawa teknologi adalah alat penting dalam dunia masa kini, oleh itu dengan memanfaatkan kepakaran Google dalam teknologi, kami percaya ianya akan menjadi pendorong dalam mewujudkan peluang ekonomi yang lebih besar bagi wanita.

‘Bengkel Online Wanita Cukup Berani MAGGI®’

5. Boleh tahu dengan lebih lanjut tentang ‘Bengkel Online Cukup Berani MAGGI®’?

- Kami bekerjasama dengan ‘Women Will, a Grow with Google Programme’ dalam menyediakan kandungan yang ditujukan bagi membantu wanita yang berminat untuk mempelajari kemahiran baru dalam memulakan perniagaan kecil (kemahiran teknologi, perniagaan, memasak, serta pengendalian keselamatan makanan).
- Disebabkan SOP Covid-19, bengkel akan dijalankan secara digital.
- Bengkel ini adalah percuma, mereka yang berminat perlu mendaftar melalui <https://www.maggi.my/ms/aktiviti-maggi/maggi-cukup-rasa/>

6. Bilakah ‘Bengkel Online Wanita Cukup Berani MAGGI®’ akan berlangsung, dan berapa jumlah peserta yang disasarkan secara keseluruhan?

- Kami mempunyai tiga siri bengkel secara keseluruhan. Sesi pertama akan diadakan pada 6 - 8 April 2021, sesi kedua akan diadakan pada 13 - 15 Julai 2021 dan sesi ketiga dan terakhir akan diadakan pada 12 - 14 October 2021
- Setiap bengkel akan diadakan selama tiga hari secara keseluruhan
- Tidak ada batasan jumlah peserta untuk setiap bengkel - kami mengalu-alukan semua wanita untuk menyertai

7. Apa yang akan dibahas dalam ‘Bengkel Online Cukup Berani MAGGI®’? Sejauh mana beza kandungan antara tahun 2021 dan 2020?

- Modul utama adalah serupa - topik utama merangkumi (1) bina keyakinan (2) kemahiran perniagaan (3) Cara memasak untuk perniagaan
- Namun, berdasarkan maklum balas yang diperoleh dari peserta bengkel pada tahun 2020, kami telah membuat perubahan penting pada kandungan
- Pada tahun 2021, kami telah menampilkan beberapa topik baru mengenai kemahiran pemasaran digital asas dan juga kesan pembaziran makanan pada perniagaan. Selain itu, terdapat peluang untuk bertanya soalan secara langsung dengan mentor kami semasa bengkel berlangsung. Kami juga telah menampilkan lebih banyak aktiviti untuk membantu proses pembelajaran.

8. Sekiranya saya pernah menghadiri ‘Bengkel Online Cukup Berani MAGGI®’ pada tahun 2020, adakah saya masih boleh mengambil bahagian dalam ‘Bengkel Online Cukup Berani MAGGI®’ pada tahun 2021?

- Semestinya kami mengalu-alukan anda untuk menyertai siri bengkel ini kerana kami telah membuat penambahbaikan pada kandungan yang bermanfaat bagi anda.

Masterclass ‘Cara Menjayakan Perniagaan Makanan’

9. Boleh tahu lebih lanjut mengenai masterclass ‘Cara Menjayakan Perniagaan Makanan’?

Hanya mereka yang menghadiri ‘Bengkel Online Cukup Berani MAGGI®’ yang layak untuk mengikuti masterclass ‘Cara Menjayakan Perniagaan Makanan’. Masterclass ini hanya akan dijalankan pada Nov (30 November) setelah selesai kesemua tiga sesi bengkel yang dijalankan.

- Kami bekerjasama dengan usahawan terkenal Anne Idris - yang juga mentor kami untuk program ini dalam menyediakan kandungan
- Kandungan masterclass ini khusus untuk memberikan tips dan bimbingan kepada peserta untuk menjalankan perniagaan makanan menerusi pengalaman kehidupan sebenar dari seorang usahawan
- Oleh kerana SOP Covid-19, sesi ini akan dijalankan secara digital

10. Apakah kriteria pemilihan peserta yang ingin mengikuti masterclass ‘Cara Menjayakan Perniagaan Makanan’?

- Hanya mereka yang menghadiri ‘Bengkel Online Cukup Berani MAGGI®’ yang layak untuk menyertai masterclass ‘Cara Menjayakan Perniagaan Makanan’. Masterclass ini hanya akan dijalankan pada Nov (30 November) setelah ketiga-tiga sesi bengkel selesai.
- Dari ‘Bengkel Online Cukup Berani MAGGI®’, kami akan mengenal pasti wanita yang benar-benar berminat untuk membina atau mengembangkan perniagaan makanan mereka. Selain itu, mereka harus memiliki kualiti seperti - keberanian untuk mencuba sesuatu yang baru, mempunyai motivasi untuk melakukan perubahan positif dalam kehidupan mereka.
- Borang pendaftaran akan dikongsikan kepada peserta semasa ‘Bengkel Online Wanita Cukup Berani MAGGI®’

‘Resipi Berani Bersama MAGGI®’

11. Boleh tahu dengan lebih lanjut mengenai ‘Resipi Berani Bersama MAGGI®’?

- ‘Resipi Berani Bersama MAGGI®’ adalah program bimbingan dan interaksi bersama ketiga-tiga mentor. Wanita terpilih dari masterclass ‘Cara Menjayakan Perniagaan Makanan’ akan mendapat bimbingan peribadi daripada tiga mentor kami - Datin Paduka Eina Azman, Sheila Rusly dan Anne Idris dalam program ini.
- Program ini akan dirakam dan disiarkan di media arus perdana / digital dan kandungannya akan digunakan untuk memberi inspirasi kepada wanita lain di luar sana untuk memulakan perjalanan transformasi dengan MAGGI®

12. Apakah kriteria pemilihan untuk 'Resipi Berani Bersama MAGGI®'?

- Hanya mereka yang menghadiri 'Bengkel Online Wanita Cukup Berani MAGGI®' dan masterclass 'Cara Menjayakan Perniagaan Makanan' yang layak dipilih untuk 'Resipi Berani Bersama MAGGI®'.
- Borang pendaftaran untuk ini akan dikongsikan semasa masterclass 'Cara Menjayakan Perniagaan Makanan'
- Peserta yang terpilih akan dihubungi untuk menjalani proses temuduga

13. Bagaimana MAGGI® memutuskan untuk memilih ketiga mentor ini untuk 'Program Mentor Wanita Cukup Berani MAGGI®'?

Kami sangat berbesar hati kerana mereka sudi untuk memulakan perjalanan ini bersama kami, selain berkongsi minat untuk memperkasakan wanita.

Kualiti yang perlu ada dari seorang mentor adalah mempunyai keyakinan untuk melakukan sesuatu yang baru dalam kehidupan mereka, selain mempunyai semangat dalam bidang masing-masing dan ingin memberi inspirasi dan menolong wanita lain untuk membuat perubahan dalam kehidupan mereka.

Setiap mentor ini adalah individu yang sangat berjaya, mahir dan berpengalaman dalam bidang masing-masing. Mereka telah melalui perjuangan dalam mengatasi cabaran bagi membangun perniagaan mereka. Menerusi pengalaman mereka, kami percaya ianya dapat membimbing dan memberi dorongan kepada mentee.